

# Pemimpin gagal tunjuk daya juang punca UMNO tewas

UM 23 JUN 2001

KUALA LUMPUR 22 Jun — Keperosotan sokongan orang Melayu dan generasi muda terhadap UMNO dalam pilihan raya umum lepas berpunca daripada kegagalan pemimpin parti menunjukkan daya juang yang tinggi menangani angkara fitnah pembangkang.

Wakil UMNO Kelantan, Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata, UMNO seharusnya menyusun pasukan yang ada dengan meletakkan mereka pada posisi yang betul.

“Orang yang layak jaga gol diletak striker, manalah boleh sumbat gol. Susun betul-betul dan jangan pula ada sampai seseorang itu dua tiga jawatan, tak terbuatnya. Ramai lagi ada, kita gembleng tenaga,” katanya ketika membahaskan usul menyokong ucapan dasar Presiden, pada Perhimpunan Agung UMNO, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Dari segi pendekatan untuk melawan Pas, beliau tidak menolak pentingnya cara diplomasi tetapi berpenbapat tidak salah menggunakan pendekatan menyerang dan agresif.

“Dulu waktu Pearl Harbor dibom oleh Jepun, Amerika tak gelabah, malah, jeneral Jepun kata ‘kita mengejut hari-mau yang tidur’. Eisenhower bermesyuarat kemudian dia born Nagasaki dan Hiroshima, hancur Jepun. Bila nak born

Kelantan dan Terengganu ni? Nak kena ‘scud’ nanti?,” katanya.

Beliau mencabar Pergerakan Pemuda UMNO terutama Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, supaya lebih bersemangat mempertahankan survival parti bagi menghadapi pilihan raya umum 2004.

“Saya hendak bagi tahu kepada Pemuda UMNO ini bersemangatlah sikit. Hisham, jangan hendak retorik sahaja. Kerja-kerja kebajikan bagi pada Wanita dan Puteri. Kalau tak mampu dan tak upaya serah kat saya 2004 ni. Tak payah kita bertanding, kalau betul ikhlas untuk bangsa dan negara. Jawatan orang bagi, negeri dah dapat, kedu-dukun ada, tunjuk lebih baik daripada Mahfuz dan Mat Sabu,” katanya.

Ibrahim juga menggesa Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memilih mereka yang benar-benar layak memegang jawatan dalam parti.

Beliau berpendapat veteran UMNO seperti Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Sanusi Junid masih boleh dilibatkan sama dalam aktiviti untuk mengukuhkan parti.

“Pemimpin ini bukan kira tua atau muda. Kalau tua tetapi kita tengok berguna, berjasa dan mampu berjuang, OK. Kalau yang muda tapi tak berguna nak buat apa. Tengku Razaleigh

Hamzah pun boleh diguna. Walaupun dah kena kad merah, takkanlah bertahun nak dikenakan kad merah. Dia dah masuk padang guna ajelah,” katanya.

Ibrahim menggesa Dr. Mahathir menggunakan kuasa Perdana Menteri menghadkan bilangan jawatan yang dipegang oleh seseorang sama ada dalam parti atau kerajaan bagi menjamin prestasi sesebuah agensi itu.

“Kita hendak apabila dia pegang sesuatu jawatan, bukan sahaja soal prestasi perniagaan maju tetapi dari segi menolong bangsa. Itu semua kita hendak tengok, begitu juga sama ada anak buah yang dipimpinya itu menyokong UMNO atau tidak,” katanya.

Ibrahim mencadankan agar tempoh jawatan korporat yang dipegang oleh ahli UMNO ditentukan berdasarkan kejayaan mereka menjamin sokongan mereka terhadap parti.

“Sesetengah agensi bagi orang UMNO jadi pengerusi, tetapi kalau tak buat kerja, dua tahun buang. Kita sudah ada Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis (Pengerusi TNB), Datuk Dr. Yusof Nor baru jadi Pengerusi Felda, bagi tempoh setahun dua tahun sahaja tetapi ada lagi kakitangan mereka bawa bendera Pas dan Keadilan, sampai tempoh ganti orang lain,” katanya.